

**STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN**

NAMA PUSAT : ART & CRAFT
FUNGSI : KRAF DAN KREATIF
TAJUK : BOTOLKU CANTIK

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	KE 3.3	Menzahirkan idea kreatif dalam penghasilan karya seni (Ekspresi kreatif).
2	STANDARD PEMBELAJARAN	KE 3.3.3	Membuat corak dan rekaan mengikut kreativiti sendiri.
		MA 1.1.4	Memadankan objek berdasarkan : i. warna ii. bentuk iii. saiz
3	STREAM	S	Memberi pemerhatian dan membuat inferens
		T	Menggunting tali untuk dihias
		R	Mengamalkan sikap toleransi, bekerjasama, dan sabar dalam pergaulan.
		E	Merekacipta corak.
		A	Menghias botol mengikut kreativiti sendiri.
		M	Membilang dan mengelas botol mengikut warna.
4	OBJEKTIF	Pada akhir pembelajaran, murid dapat mewarna dan menghias botol mengikut kreativiti kanak-kanak.	
5	BBM	Botol, cat pelaka, berus, gam uhu, gunting, tali /benang.	
6	NILAI MURNI	Bekerjasama, berani, yakin dan berdisiplin.	

STRATEGI PELAKSANAAN

7

1. Kanak-kanak berada di pusat pembelajaran.
2. Guru menerangkan kepada kanak-kanak tentang aktiviti yang akan dijalankan.
3. Kanak-kanak dibahagikan kepada tiga kumpulan. Setiap kumpulan akan menggunakan warna yang berbeza semasa mengecat botol.
4. Kanak-kanak diminta mengecat botol dan merekacipta corak mengikut warna yang telah ditetapkan
5. Kanak-kanak diminta menjemur botol yang telah dicat
6. Kanak-kanak diminta menggunting tali untuk menghias botol yang dikeringkan.
7. Setelah kering, kanak-kanak diminta menghias botol tersebut dengan menggunakan tali /benang tersebut
8. Kanak-kanak membilang dan mengelas botol mengikut warna yang ditetapkan.
9. Kanak-kanak digalakkan untuk menceritakan tentang aktiviti yang dijalankan.
10. Setiap hasil kerja dipamerkan di dalam kelas.

Nota: